

Headline	MBSA galak penduduk berkebun		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Feb 2019	Language	Malay
Circulation	155,996	Readership	467,988
Section	Kosmo 2	Page No	21
ArticleSize	231 cm <sup>2</sup>	Journalist	N/A
PR Value	RM 18,054		



## MBSA galak penduduk berkebun

KEBUN komuniti merupakan program bandar mampan yang dilaksanakan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi memastikan bandar raya itu dipenuhi dengan kawasan hijau serta dapat mewujudkan aktiviti untuk komuniti setempat.

Bertitik tolak dari situ, **Pegawai Pertanian dari Jabatan Landskap MBSA, Majidah Md. Ali** berkata, pihaknya telah melaksanakan Program Pertanian Bandar atau dikenali sebagai Kebun Komuniti di Seksyen 8, Shah Alam sebagai projek perintis sejak Julai 2014.

Katanya, program tersebut bukan berbentuk komersial dan ia dilaksanakan mengikut kemampuan para peserta. Sehingga kini, pihaknya turut membangunkan beberapa lagi projek seperti ini di kawasan bawah pentadbiran MBSA.

"Kawasan ini merupakan tanah rizab Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan ia merupakan kawasan terbiar. Pihak MBSA mengambil inisiatif untuk membangunkan tempat tersebut dengan bantuan penduduk dan menjadikannya sebagai kawasan kebun.

"Kini MBSA mempunyai 16 projek lain iaitu 11 projek di kawasan rumah pangsa manakala baki lima lagi di kawasan perumahan," katanya ketika ditemui K2 baru-baru ini.

Menurutnya, kawasan projek paling kecil adalah di Seksyen 24, Shah Alam iaitu 0.2 hektar manakala paling besar adalah di Seksyen 8 (0.97 hektar) melibatkan jumlah para peserta keseluruhan di kebun-kebun komuniti ini adalah seramai 250 orang.

Ujarnya, setiap hasil tanaman tersebut dijual oleh para penduduk sama ada secara sendiri, menerusi WhatsApp atau di surau berdekatan kediaman.

Bagaimanapun katanya, setiap tiga bulan sekali, pihak MBSA menerusi Jabatan Pembangunan Komuniti turut menganjurkan Program Petik Sayur Dari Ladang dan hasil tanaman tersebut juga boleh dijual pada program itu.

"Pihak MBSA tidak mempunyai masalah untuk membantu penduduk di kawasan tersebut untuk berkebun dan turut menggalakkan mereka berbuat demikian.

"Pada kebiasaannya, pihak kami menerima kira-kira enam permohonan setiap tahun untuk membuka kebun dan untuk tahun ini, kami sudah terima tiga permohonan baharu," ujarnya.



MAJIDAH